

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

19.01.2018

PANDANGAN RINGKAS MSWG TENTANG PERKEMBANGAN KORPORAT SEMASA

HOVID BERHAD ("HOVID")

Pada 10 Januari 2018 Lembaga Pengarah Hovid ("Lembaga") mengumumkan bahawa pembuat tawaran bersama secara kolektif memegang 75.64% daripada jumlah modal saham biasa yang diterbitkan syarikat. Sehubungan itu, Hovid gagal mematuhi syarat tebaran pegangan saham awam seperti yang dikehendaki menurut Seksyen 8.02 (1) Keperluan Penyenaaraan yang mana penerbit tersenarai perlu memastikan sekurang-kurangnya 25% daripada jumlah saham tersenarai perlu berada dalam tangan pemegang saham awam ("Keperluan Tebaran Awam").

Pembuat tawaran bersama menyatakan mereka tidak berhasrat untuk mengekalkan status penyenaaraan Hovid dan boleh menggesa Hovid untuk mengambil langkah yang diperlukan bagi menarik balik status penyenaaraannya daripada Senarai Rasmi, selaras dengan Perenggan 16 Keperluan Penyenaaraan. Pada tarikh pengumuman ini dibuat, tiada rancangan untuk membetulkan kekurangan dalam Keperluan Tebaran Awam.

[Sumber: Pengumuman Hovid di laman web Bursa Malaysia pada 11 Januari 2018]

KOMEN MSWG:

Kami sudah menyaksikan pembuat tawaran bersama menyemak semula tahap penerimaan sebanyak dua kali iaitu daripada 90% kepada 75% dan kemudiannya daripada 75% kepada 67%. Pembuat tawaran bersama dapat memenuhi tahap penerimaan pada 67% kerana mereka memegang saham pada jumlah agregat 75.64% daripada jumlah saham pada hari sebelum tarikh tutup tawaran itu, iaitu 12 Januari 2017. Syarikat dapat mengekalkan status penyenaaraannya tetapi perdagangan saham syarikat berisiko digantung oleh Bursa Malaysia kerana tidak mematuhi Keperluan Tebaran Awam.

Berikutan perkara di atas, syarikat perlu mempertimbangkan untuk menyelaras kekurangan dalam Keperluan Tebaran Awam atau sekurang-kurangnya cuba membuat permohonan kepada Bursa Malaysia bagi mendapatkan kelulusan untuk terus berdagang dengan tebaran saham awam di bawah 25% iaitu tebaran pegangan saham awam yang ditetapkan.

Bursa Malaysia mungkin menerima tebaran pegangan saham awam di bawah tahap 25% yang ditetapkan jika ia memadai untuk saham syarikat dianggap 'cair'. Kami berpendapat tindakan ini akan meletakkan syarikat dalam kedudukan yang baik, seterusnya membenarkan syarikat diiktiraf sebagai entiti awam yang menjaga kepentingan semua pemegang saham, termasuk pemegang saham minoriti.

KINSTEEL BERHAD (“KINSTEEL”)

Kinsteel mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan ke-26 (“AGM”) pada 15 Januari 2018.

[Sumber: Pengumuman Kinsteel di laman web Bursa Malaysia pada 15 Januari 2018]

KOMEN MSWG:

Kinsteel telah dikelaskan sebagai syarikat PN17 pada 27 Oktober 2017.

Pada 5 Jan 2018, perdagangan saham Kinsteel digantung kerana syarikat itu gagal mengemukakan pelan penyusunan semula sebelum tarikh akhir yang diberikan Bursa Malaysia iaitu 26 Okt 2017. Syarikat itu sepatutnya dinyahsenaraikan pada 9 Jan 2018.

Pada 4 Jan 2018, Kinsteel mengemukakan rayuan terhadap penggantungan dan penyahsenaraian serta memohon lanjutan masa bagi mengemukakan pelan penyusunan semula syarikat itu. Walaupun perdagangan sekuriti ini telah digantung sejak 5 Jan 2018, penyahsenaraian saham Kinsteel ditangguhkan sementara menunggu keputusan pengawal selia ke atas rayuan itu.

MSWG ingin mengetengahkan beberapa isu Tadbir Urus Korporat yang sebahagiannya sudah dikemukakan oleh MSWG dalam AGM Kinsteel pada 15 Jan 2018 yang lalu.

Pertama, disebabkan perletakan jawatan oleh pengarah bebas syarikat, Kinsteel gagal mematuhi Bab 15, Bahagian B Para 15.02 (1) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (“Keperluan Penyenaraian”) yang memerlukan penerbit tersenarai memastikan sekurang-kurangnya dua atau satu per tiga ahli lembaganya adalah pengarah bebas, yang mana lebih tinggi. Kinsteel juga gagal mematuhi Bab 15, Para 15.09 (1) Keperluan Penyenaraian yang mensyaratkan jawatankuasa audit terdiri daripada tidak kurang 3 orang ahli yang majoritinya pengarah bebas.

Kedua, syarikat tidak menerbitkan Ringkasan Perkara Penting yang dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan 2016 di laman webnya. Ini melanggar Keperluan Penyenaraian dalam Bab 9, Perenggan 9.21 (2).

Ketiga, syarikat mengeluarkan laporan tahunannya pada 15 Disember 2017, lewat lebih 4 bulan selepas akhir tahun kewangan iaitu Jun 2017. Ini melanggar Keperluan Penyenaraian pada Bab 9, Para 9.23 (1) yang mensyaratkan penerbit tersenarai untuk mengeluarkan laporan tahunannya dalam tempoh 4 bulan selepas tahun kewangan ditutup.

Keempat, di bawah Lampiran 9C Bahagian A (11b) Keperluan Penyenaraian, ganjaran pengarah perlu ditunjukkan dalam kelompok RM50,000. Kinsteel Bhd tidak mematuhi syarat ini kerana ganjaran seorang pengarah ditunjukkan berada di antara RM1 juta hingga RM1.5 juta - iaitu dalam kelompok RM500,000 dan bukannya RM50,000 seperti yang disyaratkan.

TINJAUAN MINGGUAN AGM MSWG UNTUK TEMPOH 22 HINGGA 26 JANUARI 2018

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
22.01.18 (Isnin) 9.00 pagi	Bright Packaging Industry Berhad (AGM)	Redang Room, Bukit Jalil Golf & Country Resort, Jalan Jalil Perkasa 3, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
23.01.18 (Selasa) 10.00 pagi	Concrete Engineering Products Bhd (AGM)	Menara Integriti, Institut Integriti Malaysia, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, KL
23.01.18 (Selasa) 10.00 pagi	Malaysia Building Society Bhd (EGM)	Grand Nexus, Level 3A, Connexion Conference & Event Centre @ Nexus, Bangsar South City, No. 7 Jalan Kerinchi, KL
24.01.18 (Rabu) 10.00 pagi	Fraser & Neave Holdings Bhd (AGM)	Pusat Konvensyen Sime Darby, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, KL

Perkara penting untuk diajukan:

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Bright Packaging Industry Berhad (AGM)	<p>1) Pendapatan Kumpulan merosot sejak dua tahun kewangan lepas dengan keuntungan sebelum cukai (PBT) menyusut daripada RM0.3 juta pada TK2016 kepada kerugian RM3.6 juta dalam TK2017.</p> <p>a. Apakah yang menyebabkan kerugian ini kerana pada tahun kewangan lepas, Lembaga Pengarah menyatakan prospek Kumpulan dijangka positif?</p> <p>b. Apakah langkah yang diambil untuk memperbaiki prestasi kewangan Kumpulan yang semakin merosot?</p> <p>c. Bilakah prestasi Kumpulan dijangka menunjukkan perubahan?</p> <p>2) Nota 7 pada muka surat 96 Laporan Tahunan 2017 menunjukkan jumlah kemerosotan nilai bagi penghutang perniagaan berjumlah RM1,778,032 juta untuk TK2017.</p> <p>a. Apakah status pemulihan dan kutipan bagi penghutang perdagangan yang terjejas ini?</p> <p>b. Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam penghutang perdagangan pada TK2017 walaupun pendapatan menyusut kira-kira 32.4% iaitu daripada RM62.3 juta pada TK2016 kepada RM42.2 juta pada TK2017?</p>
Concrete Engineering Products Bhd (AGM)	<p>Kenyataan dan Ulasan Operasi oleh Pengerusi menyebut tentang beberapa projek infrastruktur di bawah Bajet 2018 yang diharapkan dapat memberi manfaat kepada industri pembinaan. Dalam bahagian eksport, beliau juga percaya adanya potensi pasaran baharu di rantau ASEAN yang belum diterokai seperti negara-negara Indo-China.</p> <p>a. Apakah projek yang dikenalpasti oleh pasukan pengurusan CEPCO bagi mendapatkan bahagian yang adil daripada projek-projek ini?</p> <p>b. Jualan eksport menyumbang 8% daripada pendapatan Kumpulan. Apakah strategi Lembaga dan pasaran manakah yang disasarkan untuk meningkatkan potensi pasaran eksport bagi meningkatkan prestasi Kumpulan?</p>

Perkara penting untuk diajukan:	
	<p>c. Apakah kontrak yang diharap dapat diperoleh oleh Lembaga Pengarah yang dapat meningkatkan pesanan tempahan Kumpulan bagi menjana prestasi dan keputusan yang mampan?</p>
<p>Malaysia Building Society Bhd (EGM)</p>	<p>Halaman 36 Lampiran II dalam Pekeliling mengenai prestasi kewangan Asian Finance Bank ("AFB") menunjukkan AFB mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM18.9 juta dalam keputusan kewangan 6 bulan yang tidak diaudit berakhir 30 Jun 2017. Kerugian ini disebabkan oleh pendapatan yang menyusut serta peningkatan dalam elaun kejejasan nilai pembiayaan dan pendahuluan.</p> <p>a. Sila huraikan sama ada Lembaga Pengarah melaksanakan ketekunan wajar kewangan ke atas AFB?</p> <p>b. Apakah jenis aset pembiayaan ini? Adakah syarikat perlu membuat kejejasan tambahan dalam TK2017?</p> <p>Adakah ia mempengaruhi penilaian harga AFB dalam pelaksanaan penggabungan ini?</p> <p>Adakah perjanjian Jual Beli menyatakan sebarang peruntukan untuk menangani/ menanggung risiko kemerosotan dalam kualiti aset?</p> <p>c. Merujuk ringkasan kewangan dan operasi AFB, apakah nilai sinergi yang dijangka akan diperolehi oleh MBSB daripada penggabungan itu?</p> <p>Sila terangkan strategi perniagaan utama, bahagian pasaran, aset dan kelebihan produk yang boleh ditawarkan oleh AFB untuk melengkapkan MBSB selepas penggabungan itu.</p>
<p>Fraser & Neave Holdings Bhd (AGM)</p>	<p>Bolehkah Lembaga berikan maklumat berikut yang berkaitan tiga bidang pertumbuhan utama Syarikat iaitu F&B Malaysia Domestik, F&B Thailand dan segmen Eksport:</p> <p>a. Bilakah F&B Malaysia Domestik menyelesaikan inisiatif transformasinya?</p> <p>b. Apakah usaha yang diambil untuk meningkatkan jualan bagi tahun kewangan berakhir 2018 (serta menangani penurunan pendapatan sebanyak 8.2% dalam TK2017) bagi Gabungan Domestik dan Eksport F&B Malaysia?</p> <p>c. F&B Thailand mencatatkan peningkatan 8.7% dalam pendapatan yang disumbangkan oleh pertumbuhan dua digit dalam eksport ke Indochina. Apakah usaha yang diambil untuk meningkatkan jualan di Indochina bagi tahun kewangan berakhir 2018? Sila huraikan strategi perniagaan, cabaran dan potensi di negara itu.</p> <p>d. Apakah prospek segmen Eksport pada 2018?</p>

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my
Elaine Choo, Pengurus, Pemantauan Korporat elaine.choo@mswg.org.my
Mustaqim Yusof, Penganalisa, Khidmat Korporat mustaqim.yusof@mswg.org.my
Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi Hovid Berhad.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke corporateservices@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.